

03 APR 1998

Mahathir-Kosovo

MAHATHIR PERINGATKAN TENTANG BAHAYA MALAPETAKA DI KOSOVO

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengingatkan bahawa tindakan agresif dan perseteruan kepimpinan Serbia di Belgrade boleh membawa kepada "malapetaka besar" di Kosovo dan keseluruhan rantau Balkan.

Perdana Menteri berkata adalah sesuatu yang amat memalukan jika dunia membiarkan keadaan di Kosovo bertambah buruk sehingga ia menjadi satu lagi Bosnia-Herzegovina.

Peringatan Dr Mahathir itu terkandung dalam buku program forum "Perundingan mengenai Kosovo" yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Lebih daripada 200 orang terdiri daripada diplomat, ahli politik, ahli akademik, aktivis sosial dan penuntut menghadiri forum di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu.

"Walau apa jua tanggapan terhadap perjuangan orang keturunan Albania yang merupakan 90 peratus daripada penduduk Kosovo itu, tindak balas kepimpinan Serbia telah membangkitkan kemarahan dunia," katanya.

Pihak-pihak tertentu seperti Kesatuan Eropah, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu semuanya telah menuntut supaya kepimpinan Serbia menamatkan kekerasan di Kosovo dan memulakan dialog dengan kepimpinan sah wilayah itu, katanya.

"Sebagai negara demokratik dan pelbagai kaum yang komited kepada penyelesaian yang aman terhadap sesuatu konflik, Malaysia juga berpendapat bahawa dialog dan perundingan merupakan saluran yang paling berkesan untuk mengendurkan sebarang ketegangan kaum," kata Dr Mahathir.

Sambil memuji Pergerakan Antarabangsa bagi Keadilan Dunia (Just) dan Institut Kajian Dasar (IKD) kerana menganjurkan forum dua hari itu, Dr Mahathir berkata ia akan membolehkan pertubuhan awam di sebelah sini dunia untuk menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan yang sedang berlaku di rantau Balkan itu.

Beliau berkata rakyat dan kerajaan di seluruh dunia seharusnya bersatu dan bercakap dengan satu suara untuk mengelakkan berlakunya satu lagi tragedi, kali ini di Kosovo.

Wilayah itu mengalami pergolakan berikutan tindakan polis Serbia baru-baru ini terhadap pihak pemisah, yang mengakibatkan 80 orang terbunuh.

-- BERNAMA

MAM NMO